

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK
(TANJONG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebabnya Taklimat Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dicadangkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk diberi kepada warga-warga di setiap Kawasan Parlimen di Pulau Pinang hanya boleh dijalankan di Dewan/Pejabat Kastam yang berada di Seberang Jaya dan segala kos perlulah ditanggung oleh Ahli-ahli Parlimen masing-masing jikalau ia diadakan di lokasi-lokasi yang terletak di luar Pejabat Kastam.

JAWAPAN

Perbelanjaan yang berhemah oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah bertujuan supaya peruntukan Kerajaan dapat dimaksimumkan

sepenuhnya. Kos untuk penganjuran program GST di pejabat-pejabat Kerajaan ataupun di kompleks kastam akan membolehkan lebih ramai peniaga didedahkan kepada GST.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pulau Pinang bertanggungjawab memberi taklimat GST kepada peniaga dan orang awam. Taklimat GST ini diadakan di Dewan Seminar Pulau Jerejak di Kompleks Kastam Seberang Jaya, Seberang Jaya, Pulau Pinang. Makanan dan minuman akan disediakan oleh pihak Kastam bagi seminar dan taklimat GST yang dibuat di dewan tersebut. Dewan ini mempunyai kemudahan yang lengkap dan sesuai untuk taklimat GST. Dewan dapat memuatkan maksimum 400 orang.

Taklimat GST di kawasan Parlimen Pulau Pinang merupakan program Kerajaan Pusat. Justeru taklimat bagi kawasan Parlimen Pulau Pinang perlu melalui Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) JPM Pulau Pinang. Pihak Kastam akan menghantar penceramah ke taklimat tersebut dan kos akan tanggung melalui peruntukan Kerajaan.

Bagi persatuan peniagaan yang tidak dapat menghadiri taklimat GST

anjuran Pejabat Jabatan Kastam di Seberang Jaya, Kerajaan telah pun menyediakan peruntukan geran latihan GST kepada persatuan peniagaan/dewan-dewan perniagaan di Pulau Pinang untuk membolehkan mereka membuat program di luar pejabat Jabatan Kastam Seberang Jaya Pulau Pinang.